



## PROGRAM SIRI SYARAHAN HALAL VERSI 1

### ANJURAN JABATAN PENGURUSAN DAN TEKNOLOGI, FPTP



KAMPUS INDUK – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Kluster Pengurusan Halal (HCC), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) telah melaksanakan Program Siri Syarahan Halal Versi 1 yang membincangkan tentang Prinsip-Prinsip Halal dalam Makanan dan Bukan Makanan (Maqasid Syariah dalam Islam) bagi memberi pendedahan dan impak kepada pelajar FPTP Tahun 3 yang khususnya mengambil jurusan Pengurusan Halal semester 2023/2024.

Program perkongsian ilmu yang berlangsung pada Selasa, 2 April 2024 yang bertempat di Bilik Lestari 1, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari barisan pensyarah dan juga pelajar. Program tersebut diketuai oleh ketua pensyarah Kluster Halal, Prof. Ts. Dr. Alina binti Shamsuddin dan Puan Fazian binti Hashim yang juga ditemani oleh Puan Norasmika binti Mohd Nor dan juga barisan pensyarah yang lain.

Satu sesi syarahan yang bertajuk “Halal dalam Makanan dan Bukan Makanan” telah disampaikan bagi mencapai objektif program.

Syarahan tersebut disampaikan oleh pensyarah kanan, Ustazah Sharifah Khadijah binti Syed Abu Bakar selaku wakil daripada Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

(PPUK), UTHM. Beliau mempunyai pandangan dan pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan Halal terutama sekali dalam aspek hukum-hukum berkenaan pengambilan sesuatu makanan yang Halal dan bukan Halal.

Menurut Ketua HCC, Prof. Ts. Dr. Alina binti Shamsuddin, program yang diadakan bertujuan memberi pendedahan dan ilmu kepada pelajar mengenai konsel Halal dan Haram dalam Islam. Ia secara tidak langsung memberi ruang dan peluang kepada pelajar Kluster Pengurusan Halal untuk berkongsi ilmu baru selain daripada pembelajaran biasa.

Kluster Pengurusan Halal (HCC) berharap agar penganjuran program seperti ini dapat dimanfaatkan dan diteruskan lagi sekaligus memberi impak dan potensi dalam memberi perspektif yang besar kepada pelajar Tahun 3 FPTP yang khususnya mengambil jurusan Pengurusan Halal sebagai Elektif mereka.

